

# Keluarga Altantuya menang saman RM5 juta

Mahkamah benarkan saman difailkan keluarga Altantuya pada 15 tahun lepas

SHAH ALAM

Mahkamah Tinggi di sini pada Jumaat membenarkan saman yang difailkan keluarga model Mongolia, Altantuya Shaariibuu berhubung kematian wanita itu pada 2006 lalu, terhadap empat defendan termasuk kerajaan Malaysia.

Datuk Vazeer Alam Mydin Meera yang kini Hakim Mahkamah Rayuan di Putrajaya memutuskan demikian ketika prosiding dijalankan menerusi aplikasi Zoom, yang turut disertai anak Altantuya dan Kedutaan Konsulat Mongolia.

Ketika membaca penghakimannya, beliau berkata, keputusan itu dibuat selepas mendapati keluarga model Mongolia selaku plaintif pertama hingga ketiga berjaya membuktikan kes mereka terhadap defendan kedua dan ketiga.

"Berdasarkan fakta dan undang-undang, kerajaan selaku defendan keempat merupakan majikan kepada defendan pertama dan kedua, bertanggungjawab terhadap tindakan mereka yang mencabuli undang-undang.



Pada 4 Jun 2007, bapa mendiang, Dr Shaariibuu Setev (kiri), ibunya Altantsetseg Sanjaa serta dua anak lelaki Altantuya iaitu Mungunshagai Bayarjargal dan Altanshagai Munkhtulga sebagai plaintif memfailkan tuntutan saman berkenaan.

berkata, jumlah itu adalah berlebihan dan tidak boleh ditakrifkan berdasarkan prinsip sahaja.

Menurut beliau, RM5 juta adalah adil dan memadai untuk diberikan sebagai ganti rugi am, teruk dan teladan.

Hakim kemudiannya memerintahkan defendan membayar kos sebanyak RM25,000 kepada setiap plaintif.

Mengulas lanjut, Vazeer Alam berkata, tiada motif rasional untuk defendan pertama dan kedua membunuh serta meletupkan model Mongolia itu.

"Defendan pertama telah memberitahu defendan ketiga, bahawa dia boleh 'menghabiskan' si mati dan dia pernah melakukannya beberapa kali sebelum ini,"

rumah defendan ketiga dan membunuhnya.

Seramai 26 saksi plaintif termasuk bapa dan anak sulung Altantuya memberi keterangan dalam perbicaraan yang bermula pada 2019.

Sementara itu, Facebook bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam satu hantaran menyatakan keputusan itu, akhirnya menghentikan fitnah terhadap dirinya yang dimainkan sejak 10 tahun lalu.

"Pagi tadi (Jumaat), mahkamah telah arahan empat defendan untuk membayar pampasan sebanyak RM5 juta atas kematian Altantuya. Najib bukan antara empat defendan termasuk kerajaan Malaysia yang disaman oleh keluarga Altantuya. Ini ber-

## KRONOLOGI KES PEMBUNUHAN ALTANTUYA

2006

**15 NOVEMBER:** Bekas anggota Unit Tindakan Khas (UTK), Azilah Hadri dan Sirul Azhar Umar dituduh bersama di mahkamah majistret di Shah Alam atas pembunuhan Altantuya.

**16 NOVEMBER:** Penganalisis politik, Abdul Razak Baginda didakwa di mahkamah majistret Kuala Lumpur kerana bersubahat dengan Azilah dan Sirul dalam pembunuhan itu. Beliau didakwa melakukan kesalahan itu pada 18 Okt.

2007

**4 JUN:** Keluarga Altantuya memfailkan tuntutan saman mendakwa kematian wanita itu menyebabkan mereka mengalami trauma mental dan psikologi serta menuntut ganti rugi termasuk tuntutan pergantungan.

**19 JUN:** Perbicaraan Abdul Razak dan dua anggota polis berkenaan atas pembunuhan Altantuya bermula.

2008

**31 OKTOBER:** Mahkamah Tinggi membebaskan Abdul Razak tanpa memerintahnya membela diri selepas memutuskan bahawa pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap beliau. Pada hari sama, Mahkamah Tinggi mendapati pendakwaan telah membuktikan kes prima facie terhadap Azilah dan Sirul Azhar dan memerintahkan mereka membela diri.

**14 NOVEMBER:** Timbalan pendakwa raya, Datuk Tun Abdul Majid Tun Hamzah mengesahkan pendakwaan tidak akan merayu terhadap pembebasan Abdul Razak.

2009

**15 JANUARI:** Azilah dan Sirul Azhar memulakan pembelaan diri. Azilah memberi kenyataan bersumpah dari kandang saksi.

**4 FEBRUARI:** Sirul Azhar memberi kenyataan bela diri dari kandang tertuduh.

**9 APRIL:** Azilah dan Sirul Azhar didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi dan dihukum gantung sampai mati.

**10 APRIL:** Azilah memfail notis rayuan terhadap sabitan dan hukuman matinya.

**13 APRIL:** Sirul Azhar memfail notis rayuan terhadap sabitan dan hukuman matinya.

2013

**24 JUN:** Mahkamah Rayuan mendengar rayuan kedua-dua mereka.

**23 OGOS:** Mahkamah Rayuan membenarkan

"Mereka telah menjalankan tugas sebagai pegawai polis, telah menggunakan sumber yang disediakan oleh Polis Diraja Malaysia dan penghakiman dibuat atas liabiliti terhadap keempat-empat defendan," katanya.

Menyentuh ganti rugi yang dimohon pihak plaintif sebanyak RM100 juta, beliau

katanya.

Beliau berkata, satu-satunya penghubung antara mereka ialah defendan ketiga, yang mahu gangguan oleh si mati dihentikan.

Jika bukan kerana defendan ketiga, defendan pertama dan kedua tidak akan membawa si mati ke kereta mereka dari

makna bahawa keluarga Altantuya juga mengaku bahawa Najib tidak terlibat dalam kematian anak perempuan mereka," ujarnya.

Altantuya dijumpai mati pada 7 November 2006 iaitu 17 hari selepas dia diletupkan dengan bom C4 di Hutan Simpan Puncak Alam, Selangor.

## Permohonan empat ADUN Pulau Pinang ditolak

### PUTRAJAYA

Mahkamah Persekutuan di sini pada Jumaat menolak permohonan empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang untuk mendapatkan kebenaran bagi mencabar Dewan Undangan Negeri itu daripada meluluskan usul undang-undang anti lompat parti.

Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat membuat keputusan itu selepas mendengar hujahan daripada peguam Datuk DP Naban, yang mewakili empat ADUN itu dan Datuk Malik Imtiaz Sarwar yang mewakili kerajaan negeri.

Ketua Hakim itu berkata pada Ogos lepas, satu lagi panel Mahkamah



DR AFIF



ZULKIFLI



KHALIQ



ZOLKIFLY

Persekutuan telah memutuskan bahawa DUN berhak menggubal undang-undang bagi menentukan kelayakan ahli-ahlinya.

Mahkamah memutuskan Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang tidak terbatal kerana ia selaras dengan Perkara 10 (1) (c) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang menyatakan bahawa se-

orang ADUN hendaklah mengosongkan kerusinya jika telah dipilih sebagai calon parti politik, beliau meletak jawatan atau dipecat daripada parti atau telah dipilih selain sebagai calon parti politik dan menyertai parti politik lain.

Empat ADUN itu iaitu Zulkifli Ibrahim (Sungai Acheh), Dr Afif Bahardin (Seberang Jaya), Khaliq Mehtab Mohd Ishaq (Bertam) dan Zolkifly Md Lazim (Telok Bahang) telah memfailkan tiga writ saman pada 2020 untuk mencabar usul yang menyatakan mereka perlu mengosongkan kerusi dan pilihan raya kecil akan diadakan. - *Bernama*

23 OGOS: Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan dikemukakan oleh Azilah dan Sirul Azhar dan membebaskan mereka dari tuduhan berkenaan. Pendakwaan memfail rayuan pada hari yang sama.

2014

23 JUN: Mahkamah Persekutuan mendengar rayuan pihak pendakwaan. Perkara itu didengar selama tiga hari.

25 JUN: Panel lima anggota Mahkamah Persekutuan dipengerusikan Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria menangguhkan keputusan mereka terhadap rayuan pendakwaan.

2015

14 JANUARI: Mahkamah Persekutuan memutuskan untuk mengekalkan sabitan dan hukuman mati mereka kerana membunuh model sambilan dan penterjemah berumur 28 tahun itu.

2019

10 OKTOBER: Keluarga Altantuya menarik balik rayuan mereka terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menolak permohonan untuk mengguna pakai keputusan sabitan jenayah di Mahkamah Persekutuan berhubung kes pembunuhan model itu, dalam saman sivil mereka.

2020

22 APRIL: Perbicaraan kes saman sivil RM100 juta yang difailkan keluarga Altantuya berhubung kematiannya pada 2006, dijadual pada Jun dan Ogos.

2022

30 OGOS: Mahkamah Tinggi Shah Alam menangguhkan keputusan kes saman RM100 juta yang difailkan keluarga Altantuya pada 19 Oktober 2022 atas permohonan keluarga berkenaan selaku plaintif.